

PENDAPATAN PENGGAJIAN INDIVIDU



LHDNM-R/002/10

Bersama Membangun Negara



Pendapatan Penggajian Yang Dikenakan Cukai

- Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen, elaun, perkuisit, ganjaran dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- Manfaat Berupa Barang daripada majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- Nilai Tempat Kediaman yang disediakan oleh majikan
- Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan
- Pampasan kerana kehilangan pekerjaan
(untuk maklumat lanjut, sila rujuk pegawai LHDNM)

Pekerja Bertanggungjawab

- Isi dan hantar Borang BE (e-BE) (suami dan isteri perlu hantar borang secara berasingan)
- Simpan Penyata Saraan daripada majikan (EA/EC/lain-lain) dan resit-resit selama 7 tahun

Keperluan Penting Semasa Pengisian Borang

Merujuk Penyata Saraan, penyata lain-lain pendapatan dan resit-resit tuntutan

Makluman Tambahan

Tarikh akhir menghantar Borang BE dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): 30 April setiap tahun

Potongan Cukai Bulanan (PCB)

- Satu mekanisma bayaran cukai pendapatan pekerja
- Bayaran pendahuluan cukai pendapatan pekerja
- Bukan cukai muktamad pekerja
- Dikira berdasarkan Jadual PCB dan kaedah pengiraan berkomputer (e-PCB, Kalkulator PCB, Perisian PCB dan sistem pembayaran gaji berkomputer)

Saraan Yang Tertakluk Kepada PCB

- | | |
|----------------------------|----------------------|
| • Gaji | • Upah |
| • Bayaran lebih masa | • Komisen |
| • Tip | • Elaun |
| • Bonus/Insentif | • Fi Pengarah |
| • Perkuisit | • Pampasan |
| • Cukai ditanggung majikan | • Ganjaran |
| • Skim Opsyen | • Saraan lain |
| Saham Pekerja (SOSP) | berkaitan penggajian |

Saraan bulanan minimum yang tertakluk kepada PCB ialah **RM2,451** (selepas tolak KWSP pekerja)

Jadual PCB, Kalkulator PCB, e-PCB, dan Perisian PCB boleh diperolehi di :

Laman web LHDNM: www.hasil.gov.my